

KANDUNGAN

Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/1)	I – 3
Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/2)	4 – 7
Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/3)	8 – 11

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (922/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 6169 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 69.76% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.51	6.87	11.62	11.70	9.43	9.42	12.21	10.44	5.66	6.48	7.65

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah kerangka jawapan yang terdiri daripada pendahuluan, isi, dan penutup; rangkuman isi mengandungi fakta, huraian, dan contoh; serta kandungan teks *Permata Sastera Melayu* dikuasai. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah kata tugasannya ‘bincangkan’ yang memerlukan hujahan diabaikan; pendahuluan dan penutup tidak dikemukakan; serta huraian dan contoh tidak disandarkan pada petikan atau teks *Permata Sastera Melayu*. Soalan Bahagian A tentang puisi. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 2 yang berkaitan dengan sajak berbanding dengan soalan 1 yang berkaitan dengan pantun. Soalan Bahagian B pula tentang prosa tradisional. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 4 yang berkaitan dengan karya cerita rakyat berbanding dengan soalan 3 yang berkaitan dengan karya epik. Soalan Bahagian C tentang puisi moden. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk memilih soalan 5 yang berkaitan dengan cerpen berbanding dengan soalan 6 yang berkaitan dengan drama.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Puisi

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan gambaran masyarakat dalam konteks sarwajagat Melayu berdasarkan petikan pantun budi seperti yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang gambaran masyarakat, konsep sarwajagat, dan pantun budi. Kebanyakan calon dapat mengemukakan pendahuluan, isi, dan penutup. Setiap isi jawapan calon mengandungi fakta, huraian, dan contoh. Calon juga dapat memberikan gambaran masyarakat dalam konteks sarwajagat Melayu berdasarkan maksud pantun budi. Walau bagaimanapun, calon tidak memberikan gambaran masyarakat dalam konteks sarwajagat Melayu berdasarkan pembayangan maksud pantun. Ada calon yang tidak mengemukakan baris yang ada pada pantun sebagai contoh. Ada calon yang memberikan huraian semata-mata tanpa hujahan. Calon sepatutnya mengemukakan konsep atau definisi pantun, ciri-ciri pantun, dan isi penting yang akan dibincangkan pada bahagian pendahuluan.

Pada bahagian isi, calon sepatutnya membincangkan gambaran masyarakat berdasarkan pembayang maksud, seperti masyarakat pelayar, petani, dan sebagainya. Gambaran masyarakat berdasarkan maksud pula, termasuklah masyarakat yang mengenang budi, menabur budi, dan sebagainya. Huraian hendaklah dibincangkan dan contoh hendaklah dipetik daripada pantun. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan mesej yang terdapat dalam sajak yang berjudul “Keris Itu Masih di Tanganmu” karya Ahmad Sarju seperti yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep mesej. Kebanyakan calon dapat mengemukakan pendahuluan, isi, dan penutup. Calon dapat memberikan fakta dan huraian terhadap mesej yang terkandung dalam sajak. Walau bagaimanapun, calon dapat mengemukakan huraian semata-mata tanpa sebarang hujahan. Ada calon yang tidak dapat mentafsir sajak dengan baiknya menyebabkan fakta yang diberikan itu umum. Calon sepatutnya mengemukakan konsep atau definisi sajak, maksud sajak, dan isi penting yang akan dibincangkan pada bahagian pendahuluan. Pada bahagian isi, calon sepatutnya membincangkan hidup itu satu perjuangan, pengkhianatan membawa kehancuran, kejujuran dalam persahabatan, perjuangan memerlukan pengorbanan, dan sebagainya. Huraian hendaklah dibincangkan dan contoh hendaklah dipetik daripada sajak. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

BAHAGIAN B: Prosa Tradisional

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan ciri karya epik berdasarkan “Hikayat Hang Tuah (Bab VII) dan (Bab XIX)” seperti yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang ciri karya epik. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan ciri karya epik, seperti watak yang ramai, latar yang luas, penulisan bersifat objektif, ada unsur luar biasa, dan tertumpu pada wira bangsa sebagai jawapan. Fakta, huraian, dan contoh yang dikemukakan oleh calon menunjukkan bahawa mereka seolah-olah tiada pengetahuan terhadap ciri karya epik.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan kehebatan Hang Tuah berdasarkan “Hikayat Hang Tuah (Bab VII) dan (Bab XIX)” seperti yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep kehebatan. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan kehebatan Hang Tuah, seperti membunuh Taming Sari, menyelamatkan maruah Nala Sang Guna, menjinakkkan kuda teji, dan melihat Raja China sebagai jawapan. Kebanyakan fakta, huraian, dan contoh yang dikemukakan oleh calon menunjukkan bahawa mereka tidak menguasai teks tersebut.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan pernyataan bahawa dalam cerita “Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu* memperlihatkan unsur positif dan negatif. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep unsur positif dan negatif. Kebanyakan calon dapat mengemukakan pendahuluan, isi, dan penutup. Walau bagaimanapun, ada calon tidak dapat memberikan contoh yang tepat berdasarkan cerita tersebut. Hal ini memberikan gambaran bahawa mereka tidak menguasai cerita tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan konsep cerita binatang, ciri-ciri, fungsi, dan isi penting yang akan dijelaskan pada bahagian pendahuluan. Pada bahagian isi, calon sepatutnya menjelaskan unsur positif, seperti

bekerjasama, menghormati ketua, persahabatan, dan sebagainya. Bagi unsur negatif pula, calon sepatutnya menjelaskan sikap, seperti bercakap besar, menipu, gopoh, dan sebagainya. Huraian dan contoh hendaklah berdasarkan cerita tersebut. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

BAHAGIAN C: Prosa Moden

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen “Usia Emas” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pengajaran. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan tepatnya berdasarkan petikan. Walau bagaimanapun, ada calon yang tidak mengemukakan contoh berdasarkan petikan. Hal ini menjelaskan markah yang mereka peroleh. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah anak hendaklah memberikan kasih sayang kepada ibu bapa, menyediakan tempat tinggal yang sempurna untuk mereka, menghargai jasa atau pengorbanan mereka, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan pegangan hidup watak Cikgu Baharum dalam cerpen “Usia Emas” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pegangan hidup. Kebanyakan calon dapat memberikan fakta tentang pegangan hidup watak Cikgu Baharum dengan tepatnya. Huraian dan contoh yang diberikan oleh calon menunjukkan bahawa mereka menguasai cerpen tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah, sentiasa bercakap terus terang, selalu bersenam, mementingkan kebersihan, dan sebagainya.

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon mengemukakan perwatakan Anas Samanda berdasarkan drama “Asiah Samiah” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan pengetahuan khusus calon tentang watak Anas Samanda. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan fakta, seperti wajah kacak, miskin, berpendirian teguh, idealis, dan kekasih Asiah Samiah sebagai jawapan.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan perjuangan Anas Samanda berdasarkan drama “Asiah Samiah” yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep perjuangan. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan fakta, seperti memperjuangkan maruah keluarga, menentang ketidakadilan, memerangi salah guna kuasa, menentang Misa Sigaraga, dan memerangi pengaruh wang sebagai jawapan. Hal ini memberikan gambaran bahawa calon tidak menguasai teks drama.

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (922/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 6081 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 43.37% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.19	2.60	3.39	6.45	8.44	7.40	10.90	9.08	11.64	8.27	27.64

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah isi jawapan yang tepat meliputi fakta, huraihan, dan contoh; huraihan dihubungkaitkan dengan aspek pembangunan insan, masyarakat, dan negara secara jelas; dan terserlah kemahiran berfikir dan berhujah yang baik. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah isi jawapan yang bercampur aduk atau tidak berstruktur antara fakta, huraihan, dan contoh; mengabaikan hubung kait antara huraihan dengan pembangunan insan, masyarakat, dan negara; contoh yang tidak bersandarkan teks kajian; dan tidak menguasai teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* dan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan Bahagian A meliputi kajian teks sastera dalam konteks pembangunan insan yang menjurus kepada kedudukan watak sebagai individu. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 1 yang berkaitan dengan jati diri Sultan Mahmud Syah berbanding dengan soalan 2 yang berkaitan dengan nilai kemanusiaan Sultan Muzaffar Syah dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan Bahagian B melibatkan kajian teks sastera dalam konteks pembangunan masyarakat yang menzahirkan kedudukan watak sebagai anggota masyarakat. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 3 yang berkaitan dengan kepentingan pendidikan berbanding dengan soalan 4 yang berkaitan dengan mobiliti sosial dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan Bahagian C pula merangkumi kajian teks sastera dalam konteks pembangunan negara yang menyerlahkan kedudukan watak sebagai warganegara. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 6 yang berkaitan dengan aktiviti pertanian dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* berbanding dengan soalan 5 yang berkaitan dengan undang-undang negara kota Melaka dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Pembangunan Insan

Soalan 1

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa jati diri merupakan tonggak pembangunan insan. Calon dikehendaki menghuraikan pernyataan tersebut berdasarkan Sultan Mahmud Syah dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*.

Salatin (Sejarah Melayu). Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep jati diri. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dan contoh dengan tepatnya. Walau bagaimanapun, didapati huraian yang dikemukakan oleh calon adalah umum dan tidak dihubungkaitkan dengan pembangunan insan secara jelas. Calon sepatutnya mengemukakan konsep jati diri, latar belakang Sultan Mahmud Syah, latar belakang teks, dan isi penting yang akan dihuraikan pada bahagian pendahuluan. Manakala dalam bahagian isi, calon sepatutnya menghuraikan jati diri Sultan Mahmud Syah, seperti mementingkan agama, merendah diri, berpandangan jauh, bertanggungjawab, gigih, patriotik, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan oleh calon sepatutnya mengukuhkan fakta dan dikaitkan dengan pembangunan insan. Contoh yang dikemukakan oleh calon untuk menyokong fakta dan huraian pula sepatutnya dikaitkan dengan Sultan Mahmud Syah dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan nilai kemanusiaan Sultan Muzaffar Syah dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* dalam konteks pembangunan insan. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep nilai kemanusiaan. Kebanyakan calon tidak dapat membezakan konsep nilai kemanusiaan dengan konsep jati diri. Didapati fakta yang dikemukakan oleh calon bercampur aduk antara kedua-dua konsep tersebut dan cenderung ke arah jati diri. Hal ini menyebabkan huraian dan contoh yang dikemukakan oleh calon tidak tepat. Huraian yang dikemukakan oleh calon juga umum dan tidak dihubungkaitkan dengan pembangunan insan secara jelas. Calon sepatutnya mengemukakan konsep nilai kemanusiaan, latar belakang Sultan Muzaffar Syah, latar belakang teks, dan isi penting yang akan dihuraikan pada bahagian pendahuluan. Manakala dalam bahagian isi, calon sepatutnya menghuraikan nilai kemanusiaan Sultan Muzaffar Syah, seperti sanggup berkorban, prihatin, bertolak ansur, mengenang jasa, penyayang, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan oleh calon sepatutnya mengukuhkan fakta dan dikaitkan dengan pembangunan insan. Contoh yang dikemukakan oleh calon untuk menyokong fakta dan huraian pula sepatutnya dikaitkan dengan Sultan Muzaffar Syah dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

BAHAGIAN B: Pembangunan Masyarakat

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kepentingan pendidikan dalam usaha membangunkan masyarakat seperti yang tergambar dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pendidikan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dan contoh dengan baiknya. Walau bagaimanapun, didapati huraian yang dikemukakan calon berulang-ulang, bersifat sinopsis, dan tidak dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Hal ini menjelaskan kelancaran jawapan dan markah yang diperoleh calon. Calon sepatutnya mengemukakan konsep pendidikan, sinopsis novel, dan isi penting yang akan dijelaskan pada bahagian pendahuluan. Manakala dalam bahagian isi, calon sepatutnya menjelaskan kepentingan pendidikan, seperti memantapkan sosioekonomi masyarakat, melahirkan masyarakat berilmu, membentuk akhlak masyarakat, meluaskan pandangan masyarakat, membina kemahiran berfikir masyarakat, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan oleh calon sepatutnya mengukuhkan fakta dan dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Contoh yang dikemukakan oleh calon untuk menyokong fakta dan huraian pula sepatutnya bersandarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan mobiliti sosial yang berlaku dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep mobiliti sosial. Kebanyakan calon tidak dapat membezakan konsep mobiliti sosial dengan konsep susun lapis masyarakat. Didapati fakta yang dikemukakan oleh calon cenderung untuk menyamakan kedua-dua konsep tersebut. Calon juga tidak dapat mengemukakan huraian dan contoh dengan baiknya. Didapati huraian terhadap fakta yang dikemukakan calon adalah umum, menjurus kepada sinopsis cerita, dan tidak dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Hal ini menjelaskan kelancaran jawapan dan markah yang diperoleh calon. Calon sepatutnya mengemukakan konsep mobiliti sosial, sinopsis novel, dan isi penting yang akan dijelaskan pada bahagian pendahuluan. Manakala dalam bahagian isi, calon sepatutnya menjelaskan mobiliti sosial, seperti mobiliti pekerjaan (pekerja kepada rakan kongsi), perniagaan (peniaga berskala kecil kepada peniaga berskala besar), pendidikan (pengajian menengah kepada pengajian tinggi), perkahwinan (bujang kepada berkahwin), keagamaan (pelajar kepada guru), dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan oleh calon sepatutnya mengukuhkan fakta dan dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Contoh yang dikemukakan oleh calon untuk menyokong fakta dan huraian pula sepatutnya bersandarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

BAHAGIAN C: Pembangunan Negara

Soalan 5

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa undang-undang menjamin kestabilan sesebuah negara. Calon dikehendaki menjelaskan pernyataan tersebut dalam konteks pembangunan negara kota Melaka berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep undang-undang. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dengan baiknya. Huraian yang dikemukakan oleh calon juga baik dan bertepatan dengan fakta. Contoh berdasarkan teks pula dapat dikemukakan oleh calon dengan baiknya. Hal ini dapat mengukuhkan fakta dan huraian. Walau bagaimanapun, ada calon tidak dapat menghubungkaitkan undang-undang dengan kestabilan politik negara kota Melaka. Hal ini menjelaskan markah yang diperoleh mereka. Calon sepatutnya mengemukakan konsep undang-undang, latar belakang teks, dan isi penting yang akan dijelaskan pada bahagian pendahuluan. Manakala dalam bahagian isi, calon sepatutnya menjelaskan undang-undang yang menjamin kestabilan negara kota Melaka, seperti derhaka, menggunakan hak raja tanpa izin, merancang untuk merampas kuasa, membunuh tanpa izin raja, biadap terhadap raja atau wakilnya, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan oleh calon sepatutnya mengukuhkan fakta dan dikaitkan dengan pembangunan negara kota Melaka. Contoh yang dikemukakan oleh calon untuk menyokong fakta dan huraian pula sepatutnya bersandarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

Soalan 6

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* ada menampilkan aktiviti pertanian yang menyumbang kepada pembangunan negara. Calon dikehendaki menghuraikan pernyataan tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep aktiviti pertanian. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baiknya. Walau bagaimanapun, ada calon yang cenderung memberikan huraian terhadap watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel sedangkan aktiviti pertanian yang sepatutnya diberikan penekanan. Calon sepatutnya mempunyai pengetahuan sedia ada bahawa kajian terhadap novel dalam konteks pembangunan negara hanya menyerahkan kedudukan watak sebagai warganegara dan sandaran menguatkan contoh terhadap

wujudnya aktiviti pertanian. Calon juga sepatutnya mengemukakan konsep pertanian, sinopsis novel, dan isi penting yang akan dihuraikan pada bahagian pendahuluan. Manakala dalam bahagian isi, calon sepatutnya menjelaskan aktiviti pertanian, seperti menanam lada hitam, menanam orkid, menanam getah, menanam padi, menanam pokok buah-buahan atau mengusahakan dusun, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan oleh calon sepatutnya mengukuhkan fakta dan dikaitkan dengan pembangunan negara. Contoh yang dikemukakan oleh calon untuk menyokong fakta dan huraian pula sepatutnya bersandarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (922/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 6004 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 66.60% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	16.22	2.35	8.14	5.61	13.02	12.62	8.64	11.04	6.51	6.00	9.83

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah mereka berupaya menghasilkan karya kreatif, mahir dalam teknik atau format menjawab soalan, dan dapat memberikan fakta yang tepat. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah mereka tidak dapat menghasilkan karya kreatif yang berkualiti, pengetahuan terhadap fakta dan konsep yang terhad, tidak berupaya membincangkan fakta, contoh yang dikemukakan tidak jelas, dan tidak menggunakan petikan teks sebagai contoh. Soalan bahagian A tentang penulisan kreatif. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 2 yang berkaitan dengan penghasilan puisi moden berbanding dengan soalan 1 yang berkaitan dengan penghasilan puisi tradisional. Soalan bahagian B pula tentang pengurusan. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 4 yang berkaitan dengan kawalan dalam pengurusan projek sastera berbanding dengan soalan 3 yang berkaitan dengan kawalan dalam organisasi yang wujud dalam teks. Soalan bahagian C tentang multimedia dalam sastera. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 5 yang berkaitan dengan ciri-ciri audio-visual dalam petikan prosa tradisional berbanding dengan soalan 6 yang berkaitan dengan ciri-ciri animasi dalam petikan prosa moden.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Penulisan Kreatif

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan lima rangkap pantun empat kerat yang berkaitan dengan semangat kesukanan. Pantun yang dihasilkan sepatutnya menepati ciri-ciri wajib pada pantun, iaitu mempunyai pembayang, maksud, dan rima akhirnya a/b/a/b. Baris pertama dan baris kedua pada pembayang pula hendaklah ada kaitan. Ciri lain pantun yang sepatutnya ada ialah empat baris dalam satu rangkap, empat hingga lima perkataan sebaris, dan lapan hingga 12 suku kata dalam sebaris. Calon juga sepatutnya mengemukakan pemikiran berkaitan dengan semangat kesukanan yang melibatkan dua pihak atau lebih, gaya bahasa yang berbeza, dan tajuk yang berkaitan dengan tema pantun tersebut.

Antara kekuatan jawapan calon ialah rangkap pantun yang dihasilkan mereka menepati ciri-ciri pantun, mempunyai beberapa pemikiran, gaya bahasa, dan diksi yang sesuai serta tajuk yang berkaitan dengan tema. Hal ini meningkatkan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang diperoleh mereka. Walau bagaimanapun, antara kelemahan jawapan calon ialah mempunyai pembayang yang tiada kaitan pada baris pertama dan baris kedua, tiada baris pembayang, mempunyai maksud pada setiap baris, rima akhir bebas, dan jumlah pemikiran serta gaya bahasa yang tidak mencukupi. Ada calon yang menghasilkan syair. Hal ini menjelaskan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang diperoleh mereka. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon kurang menguasai ciri-ciri wajib pada pantun. Hal ini menyebabkan ada rangkap pantun yang tidak dikira untuk pemarkahan walaupun aspek lain tergambar dalam pantun.

Soalan 2

Soalan ini berdasarkan gambar Kota A Famosa di Melaka. Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah sajak berdasarkan gambar tersebut. Panjangnya sajak tersebut hendaklah antara 30 hingga 40 baris. Sajak yang dihasilkan oleh calon sepatutnya mempunyai judul. Calon juga sepatutnya mengemukakan beberapa rangkap dengan beberapa pemikiran, gaya bahasa yang berbeza, dan diksi yang sesuai dalam sajak. Antara kekuatan jawapan calon ialah mereka dapat menghasilkan sajak berdasarkan gambar yang disertakan sebagai rangsangan dengan baiknya. Hal ini meningkatkan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang diperoleh mereka. Walau bagaimanapun, antara kelemahan jawapan calon ialah sajak yang dihasilkan oleh mereka tidak berkaitan dengan gambar, mengabaikan bilangan baris, dan jumlah gaya bahasa serta pemikiran yang tidak mencukupi. Hal ini menjelaskan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang diperoleh mereka. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon berupaya menghasilkan sajak dengan baiknya.

BAHAGIAN B: Pengurusan

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kawalan yang perlu dilakukan oleh Sudin, selaku penggerusi bagi menguruskan perayaan menyambut lawatan Duli Yang Maha Mulia Sultan ke Kampung Pulai dalam novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur. Antara jawapan yang sepatutnya pada bahagian pendahuluan ialah konsep kawalan, latar belakang Sudin, latar belakang perayaan atau kemukakan isi-isi penting. Pada bahagian isi, calon sepatutnya membincangkan kawalan, iaitu mengadakan mesyuarat jawatankuasa secara berkala, menstrukturkan semula jawatankuasa yang sedia ada, menyediakan pelan penggantian aktiviti jawatankuasa, menilai kembali aktiviti jawatankuasa, membuat tindakan pembetulan terhadap aktiviti dan perancangan jawatankuasa, meneruskan aktiviti jawatankuasa, dan sebagainya. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan pandangan, rumusan, dan sebagainya pada bahagian penutup. Antara kekuatan jawapan calon ialah mereka dapat mengemukakan pendahuluan, isi, dan penutup yang lengkap. Calon juga dapat membincangkan fakta berkaitan dengan kawalan dengan baiknya dan mengemukakan contoh berdasarkan novel dengan jelasnya. Hal ini meningkatkan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang diperoleh mereka. Walau bagaimanapun, antara kelemahan jawapan calon ialah mereka mengemukakan fakta yang tidak relevan dan menjurus kepada prinsip asas perancangan, tenaga kerja, dan pengorganisasian. Ada calon yang memberikan fakta yang membawa maksud yang lebih kurang sama. Ada calon tidak menyatakan kata kunci sama ada kawalan, pemantauan, atau penambahbaikan bagi setiap fakta. Hal ini menjelaskan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang diperoleh mereka. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dengan baiknya.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kawalan yang perlu dilakukan untuk memastikan kelancaran program seminar apresiasi sastera yang dianjurkan oleh Kelab Sastera sekolah dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Antara jawapan yang sepatutnya pada bahagian pendahuluan ialah konsep kawalan, definisi konsep asas pengurusan, latar belakang program seminar apresiasi sastera atau kemukakan isi-isi penting. Pada bahagian isi, calon sepatutnya membincangkan setiap fakta yang dikemukakan. Akhir sekali, calon sepatutnya mengemukakan pandangan, rumusan, dan sebagainya pada bahagian penutup. Kawalan yang sepatutnya ialah kawalan terhadap perancangan dengan penetapan matlamat program, kawalan terhadap pengorganisasian melalui penstrukturran jawatankuasa program, kawalan terhadap tenaga kerja melalui pemilihan jawatankuasa program, kawalan terhadap kepimpinan melalui pelan penggantian pengerusi jawatankuasa program, menilai kembali aktiviti yang dijalankan, membuat tindakan penambahbaikan aktiviti jawatankuasa program, melaksanakan aktiviti jawatankuasa program, dan menyediakan pelan penggantian aktiviti. Antara kekuatan jawapan calon ialah mereka dapat membuat pendahuluan yang lengkap, fakta yang tepat, huraihan disertakan dengan perbincangan, contoh yang jelas, dan penutup yang lengkap. Walau bagaimanapun, antara kelemahan jawapan calon ialah mereka mengemukakan fakta tidak relevan yang menjurus kepada prinsip asas pengurusan, iaitu perancangan dan tenaga kerja. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dengan baiknya.

BAHAGIAN C: *Multimedia Dalam Sastera*

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan ciri-ciri audio-visual yang sesuai digunakan untuk menghasilkan projek multimedia berdasarkan petikan “Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa). Antara jawapan yang sepatutnya pada bahagian pendahuluan ialah konsep audio visual, konsep prinsip asas multimedia, atau kemukakan isi-isi penting. Seterusnya calon sepatutnya menghuraikan setiap fakta yang dikemukakan dan membuat penutup. Ciri-ciri audio-visual yang sepatutnya merangkumi durasi audio visual, tempo audio visual, jenis audio visual, kepelbagaiannya variasi bunyi, dan nada bunyi atau ton audio visual. Selain itu, audio-visual sepatutnya menimbulkan kesan penghayatan, tidak menimbulkan kekeliruan maklumat, dan bebas unsur sensitiviti. Antara kekuatan jawapan calon ialah mereka dapat membuat pendahuluan yang lengkap, menghuraikan fakta dengan baik, dan mengemukakan contoh yang jelas. Walau bagaimanapun, antara kelemahan jawapan calon ialah mereka memberikan fakta yang tidak relevan dengan ciri-ciri, mengemukakan contoh tanpa berdasarkan petikan, dan tidak dapat membezakan ciri-ciri audio-visual dengan jenis audio visual yang digunakan. Ada calon yang tidak dapat membezakan konsep audio visual dengan elemen multimedia yang lain, seperti animasi dan grafik. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan baiknya.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan ciri-ciri animasi yang sesuai digunakan dalam persembahan multimedia berdasarkan petikan cerpen “Anak-anak yang Bergelimpangan”. Antara jawapan yang sepatutnya pada bahagian pendahuluan ialah konsep animasi, konsep prinsip asas multimedia atau kemukakan isi-isi penting. Seterusnya, calon perlu menjelaskan setiap fakta yang dikemukakan dan membuat penutup. Fakta yang sepatutnya ialah tempoh animasi, jenis animasi, dan tempo animasi. Selain itu, animasi sepatutnya memperjelas makna, bervariasi, sesuai dengan elemen multimedia lain, bebas unsur sensitiviti, dan menimbulkan kesan penghayatan. Antara kekuatan jawapan calon

ialah mereka dapat membuat pendahuluan yang lengkap, fakta yang tepat, huraian yang baik, dan contoh yang jelas. Walau bagaimanapun, antara kelemahan jawapan calon ialah mereka mengemukakan fakta yang tidak relevan, tidak dapat membezakan ciri-ciri dengan jenis animasi, dan tidak mengemukakan contoh berdasarkan petikan. Ada juga calon yang tidak jelas dengan konsep antara animasi dengan elemen multimedia yang lain. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan baiknya.